

Terengganu Bestari mampu pacu kemajuan

BA - 21/4/2006

PM mahu projek pembangunan wilayah timur dimanfaatkan

Oleh Zulkofli Jamaludin, Nazura Ngah, Zainab Md Yatim dan Shaarani Ismail

KUALA TERENGGANU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin konsep Islam Hadhari Terengganu Bestari yang dilaksanakan kerajaan negeri mampu memacu Terengganu menjadi negeri maju apabila Kerajaan Persekutuan memajukan Pantai Timur.

Perdana Menteri berkata, pembangunan wilayah timur yang memabitkan Kelantan, Terengganu dan Pahang Timur yang agak ketingga-

lan berbanding Pantai Barat akan dibangunkan sepenuhnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Katanya, kerajaan tidak mahu Pantai Timur ketinggalan dan terbiar, malah kawasan itu perlu diupayakan dengan pelbagai kemudahan termasuk dari modal insan terutama peluang pendidikan yang sama rata.

“Projek pembangunan yang rancak dijalankan di wilayah timur akan dapat menyeimbangkan tahap kemajuannya supaya setara dengan yang dinikmati di kawasan lain yang jauh lebih hebat.

“Terengganu memperlihatkan dinamisme dan kesungguhan untuk membangun selaras konsep Islam Hadhari.

“Insyallah Terengganu akan melalui satu zaman pembangunan pesat apabila Kerajaan Persekutuan bersetuju mengadakan pendekatan memastikan negeri ini tidak tertinggal berbanding negeri di wilayah barat,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2006, anjuran Permodalan Nasional Bhd (PNB) di Primula Be-

ach Resort, di sini, semalam.

Malah, Perdana Menteri yakin Terengganu akan menjadi negeri paling cemerlang dalam pembangunan di wilayah Timur jika konsep pembangunan Islam Hadhari dilaksanakan dengan sempurna.

“Tidak mustahil wilayah timur dapat menandingi pembangunan di wilayah utara yang merangkumi Perlis, Kedah dan Perak Utara,” katanya.

Beliau yakin usaha PNB meningkatkan bilangan pelabur akan membawa satu perubahan dari segi peluang lebih baik kepada rakyat.